

49

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASSAN BIN MALEK (KUALA PILAH)

TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Sri Hassan Bin Malek (Kuala Pilah) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian sekarang membantu usahawan mikro wanita dalam memperoleh sijil halal bagi produk mereka dan tempatan untuk mampu keluar bersaing ke peringkat antarabangsa.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita sentiasa berusaha untuk membuat pembaharuan dari semasa ke semasa bagi membantu usahawan mikro wanita agar berjaya meningkatkan perniagaan dan pengetahuan. Program keusahawanan yang dilaksanakan adalah program *Development of Women Entrepreneurs Initiatives* (DeWI) dan Bazar Wanita 1Malaysia. Sehingga Jun 2017, bilangan program bagi pelaksanaan program DeWI adalah sebanyak 18 program dengan jumlah peserta sehingga Jun 2017 adalah seramai 349 orang peserta. Manakala program Bazar Wanita 1Malaysia yang diwujudkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) - *1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment* (1MWISE) di pasar tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) bagi usahawan wanita berpendapatan rendah di Putrajaya, Kelantan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perak, Melaka,

Sabah dan Negeri Sembilan, sehingga 2016 mempunyai jumlah peserta seramai 138 orang.

Program keusahawanan ini bertujuan memberi pendedahan dan pemudahcara bagi usahawan wanita meperoleh sijil SKM di samping mengembangkan kemahiran keusahawanan dan perniagaan di peringkat domestik dan global. Penekanan bagi mendapatkan pensijilan halal terhadap produk dan perkhidmatan yang diusahakan juga diberi perhatian memandangkan kesedaran akan kepentingan sijil halal kini semakin tinggi di peringkat antarabangsa.

Program yang dilaksanakan adalah melalui kaedah teori dan praktikal seperti ceramah, forum diskusi, perbincangan interaktif, role play, pameran, kolaborasi strategik dengan agensi yang menguruskan pensijilan halal, demonstrasi cara-cara menjadi usahawan yang unggul dan di bawah kendalian Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). Antara maklumat yang dikongsi semasa program adalah mengenai Pensijilan MeSTI, Halal, HACCP dan GMP. Jabatan ini juga turut berusaha dalam membantu meningkatan jumlah usahawan wanita mikro yang berjaya mengikuti

program-program tersebut yang dapat membantu mereka ke tahap yang lebih berdaya saing.